

Media : Sinar Harian  
Date : 07 Oct 2018



Antara slot perkongsian masakan 'Campur, campur, siap' yang dianjurkan Ajinomoto menampilkan selebriti Yana Samsudin.

## KEMPEN 'CAMPUR, CAMPUR, SIAP!' AJINOMOTO

**AJINOMOTO** (Malaysia) Berhad (AMB) telah melancarkan Kempen "Campur, Campur, Siap" untuk memupuk sikap mementingkan pengambilan sayur-sayuran mencukupi dalam diet harian agar menjadi satu kebiasaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kempen berkenaan berlangsung selama tiga bulan bermula Ogos hingga Oktober 2018.

Satu demonstrasi masakan berasaskan sayur-sayuran dengan konsep mudah, cepat, berkhasiat dan lazat turut dianjurkan bagi mengisi slot sepanjang kempen berlangsung untuk dikongsi kepada orang ramai terutamanya suri rumah muda agar mereka dapat menyediakan makanan sihat untuk keluarga.

Siaran langsung demonstrasi memasak dan petua memilih sayur yang berkualiti oleh Chef Fikree, boleh ditonton di akaun Facebook Ajinomoto Malaysia dan saluran Youtube MYAJINOMOTO serta akaun Sedapedia.

Sempena Kempen "Campur, Campur, Siap!", AMB juga menganjurkan lawatan trak



Pengunjung bergambar bagi memuat naik foto bersama kapsyen #CatchAjiTruck.

mudah alih di sekitar Lembah Klang bermula 8 September hingga 19 Oktober meliputi kawasan pejabat, kawasan perumahan dan pasar raya berdekatan.

Orang ramai dialu-alukan mengunjungi trak mudah alih AMB dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah yang disediakan dengan cara memuat naik gambar dengan kapsyen #CatchAjiTruck.

Pengunjung juga berpeluang untuk membeli "Pakej Promosi" dan mendapat apron secara percuma. Untuk maklumat lanjut, layari [www.ajinomoto.com.my](http://www.ajinomoto.com.my).